

Dr M: Peruntukan pertahanan satu pelaburan

21 NOV 1987

LUMUT. Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peruntukan bagi menyediakan segala kemudahan dan kelengkapan angkatan tentera adalah pelaburan yang akan menjamin keselamatan negara dan bukan bertujuan memberi keuntungan kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas kemungkinan limbungan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berharga \$500 juta yang hampir siap di pangkalan TLDM di sini diswastakan.

"Kerajaan belum membuat keputusan sama ada limbungan ini diuruskan sebagai jabatan dalam TLDM atau diswastakan," katanya selepas melawat dan meninjau pangkalan TLDM di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan menekankan, sebarang keputusan untuk mengswastakan pertadbiran limbungan ini akan dibuat dengan mengam-

bil kira kesesuaiannya bagi pihak swasta dan Kementerian Pertahanan.

Datuk Seri Dr Mahathir tiba di sini diiringi oleh Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Datuk Haji Mustaffa, Menteri Besar Perak Datuk Seri Ramli Ngah Talib, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan Tan Sri Mohd Yusuf Abdul Rahman dan Panglima Tentera Laut Laksamana Madya Datuk Mohd Zain Mohd Salleh.

Sebelum itu beliau merasmikan Markas Panglima Armada, meninjau sistem komunikasi TLDM dan melawat tempat-tempat lain di pangkalan ini.

Ketibaan Perdana Menteri dan rombongannya di pangkalan TLDM disambut oleh Panglima Armada TLDM Laksamana Pertama, Harun Datuk Dr Mohd Salleh dan pegawai-pegawai kanan TLDM.

Selepas memerikaa kawalan kehormatan dan merasmikan Markas Panglima Armada, Datuk Seri Dr Mahathir diberi

taklimat dan mengadakan perjumpaan tertutup dengan pegawai-pegawai kanan TLDM.

Di Pusat Sistem Komunikasi TLDM, beliau mendengar keterangan mengenai sistem komunikasi yang termoden di rantau ini. Sistem itu mampu berhubung terus dengan unit-unit TLDM di seberang laut sejauh antara 2,000 hingga 5,000 batu nautika dengan menggunakan komputer.

Taklimat

Di bilik itu, Datuk Seri Dr Mahathir sempat menghantar kawat ucapan kepada semua stesen komunikasi TLDM dan bercakap dengan stesyen lima di pesawat TUDM.

Beliau juga melawat depo peluru dan letupan, rumah kelamin dan limbungan sebelum makan tengah hari dan berlepas pulang.

Perdana Menteri mengingatkan para anggota dan pegawai TLDM bahawa pertahanan dan keselamatan negara terletak di bahu mereka.

Oleh itu beliau berharap para anggota dan pegawai TLDM tidak terla-

lu bergantung kepada pihak lain apabila menghadapi sesuatu.

"Pertolongan yang mereka akan beri walau jujur sekalipun sudah tentu terhad. Kitalah akan menentukan nasib dan masa depan, negara," katanya ketika berucap merasmikan Markas Panglima Armada di sini pagi ini.

Datuk Seri Dr Mahathir yang membuat lawatan yang kedua ke pangkalan TLDM di sini sejak 1981 berpuashati dengan mutu pentadbiran dan disiplin para anggota dan pegawai TLDM.

Beliau juga puashati kerana dalam tempoh tiga tahun sejak lawatannya yang pertama itu, kompleks TLDM dan limbungan di pangkalannya hampir 100 peratus siap.

Pangkalan TLDM di sini yang dinamakan projek Lumut oleh Kementerian Pertahanan bertujuan mengadakan kemudahan dan segala kelengkapan bagi tentera laut yang termoden di rantau ini.

Projek Lumut itu berharga \$1,100 juta termasuk bagi mengadakan kompleks TLDM dan limbungannya